KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	23/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPSM			

Kosmo
23.12.2021_12

Elak risiko baharu, hentikan pembangunan berpotensi sebabkan bencana

9 hutan simpan berisiko runtuh

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Sembilan lokasi Hutan Simpan Kekal (HSK) di negeri ini yang berketinggian melebihi 300 meter (m) termasuk kawasan cerun yang kurang stabil akibat aktiviti manusia berdepan risiko berlakunya tanah runtuh.

Setiausaha Kehormat Sahabat Alam Malaysia, S. Mageswari berkata, Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3) menggariskan komponen risiko tanah runtuh di kawasan ketinggian 300m hingga 1000m serta bercerun.

Kawasan berisiko berlaku tanah runtuh di negeri ini melibatkan HSK Teluk Bahang, Bukit Kerajaan, Highland, Laksamana, Bukit Penara, Bukit Relau, Bukit Mertajam, Bukit Seraya dan sebahagian kecil di Gelugor.

"Prinsip mencegah dan mengurangkan risiko bencana sentiasa diutamakan termasuk kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi kejadian ini dan menyelenggara cerun bermasalah.



MAGESWARI

"Langkah berjaga-jaga perlu diambil lebih-lebih lagi dalam keadaan perubahan iklim yang mana kita akan berdepan dengan ribut serta hujan lebat," katanya.

Berdasarkan Peta Bahaya dan Risiko Cerun sedia ada, kerajaan negeri perlu mengelakkan risiko baharu dengan mengawal serta menghentikan pembangunan yang berpotensi menyebabkan bencana alam tersebut.

"Selain itu, pemantauan secara rapi di lokasi-lokasi berbahaya terutamanya semasa musim hujan dan menubuhkan pasukan khas bagi memantau cerun atau lereng bukit supaya dapat memberi amaran awal kepada penduduk dan pengguna jalan raya," ujarnya.



TRAGEDI tanah runtuh di Bukit Kukus, Relau, George Town yang mengorbankan sembilan nyawa pada 2018.